☑ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad
Tarikh: 31/3/2012
Hari: SABTU M/S: 42
Ruangan: UTARA

Proses naik taraf paip air siap 70 peratus

ALOR SETAR - Kerja menaik taraf paip air melalui Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) kini mencapai tahap 70 peratus kemajuan daripada proses keseluruhan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Darul Aman (Sada) Datuk Adzmi Din berkata, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memperuntukkan RM161 juta bagi pelaksanaan projek berkenaan dengan melibatkan 120 kampung di negeri ini termasuk menaik taraf menggantikan pam di beberapa loji air.

Menurutnya, pada tahun ini kementerian berkenaan turut meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM35 juta untuk meneruskan proses pemasangan paip di kampung yang masih belum melaksanakannya.

"Proses menaik taraf paip perlu dilaksanakan kerana ada kampung yang semakin berkembang dengan pertambahan rumah penduduk. Paip baru akan dapat menampung jumlah kapasiti air lebih tinggi berbanding biasa.



"Jika dikutkan beberapa kawasan sudah selesai melaksanakan kerja berkenaan, namun ada kawasan masih dalam proses pembinaan tetapi semuanya berjalan lancar," katanya.

Adzmi berkata, melalui Skim Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) di antara Sada dengan Kor Juruterera Diraja Angkatan Tentera Malaysia melaksanakan kerja pemasangan paip baru turut menyelesaikan gangguan tekanan air kepada 3,800 rumah.

> **"Proses menaik taraf paip perlu dilaksanakan kerana ada kampung yang semakin berkembang dengan pertambahan rumah penduduk."**
>
> **Adzmi**

"Proses pemasangan paip berkenaan di sepanjang tiga kilometer menyambung bekalan air dari sumber Loji Air Jeniang Baru ke Kampung Batu Tiga, Batu Empat, dan Batu Lima, Jalan Jeniang-Gurun.

"Kita juga akan terus bekerjasama dengan anggota Rejimen Askar Diraja (RAJD 60) untuk melaksanakan program itu di beberapa kawasan lain yang akan dikenal pasti kemudian," katanya.

Beliau berkata, bekalan Loji Padang Sanai, Kuala Nerang yang kapasiti 50 juta liter air sehari mula beroperasi pada 15 Mei tahun lalu berjaya mengatasi masalah bekalan air terutamanya di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan sebahagian Padang Terap.

"Namun kerja menaik taraf loji Kuala Nerang daripada kapasiti lima juta liter air sehari kepada 6.5 juta liter air sehari akan kembali pulih seperti biasa dalam tempoh terdekat.

"Daerah Sik - KKLW memperuntukkan RM4.8 juta melaksanakan kerja-kerja pembinaan pam dan kolam takungan air melalui kontraktor dilantik untuk menyelesaikan masalah penduduk di kawasan tanah tinggi seperti Keda Sungai Senang sejak 13 tahun lalu," katanya.

Menurutnya, kerja menaik taraf Loji Lubuk Buntar yang sebelum ini mampu menampung kapasiti 25 juta liter air sehari melalui peruntukan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia mampu memastikan bekalan air di Kulim Hitech Park mencukupi.